



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
ARAS 3, No. 2, MENARA 2, JALAN P5/6
PRESINT 5, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.
No. Telefon : 03-8870 6000 No. Faks : 03-8870 6885

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN TALIAN INTERNET DI SEKOLAH

Sejak 2012, 1Bestarinet telah membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan talian internet dan aplikasi persekitaran pembelajaran virtual (VLE) kepada 10,211 sekolah di seluruh negara.

Selepas tujuh tahun, kontrak perkhidmatan itu akan tamat pada 30 Jun 2019.

Mulai 1 Julai 2019, perkhidmatan talian internet ke sekolah di seluruh negara akan dibekalkan oleh tiga syarikat penyedia perkhidmatan internet (ISP) iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Axiata Berhad dan Maxis Broadband Sdn. Bhd.

Tiga syarikat ISP itu juga akan menyediakan perkhidmatan talian internet ke beberapa bahagian di KPM dan 366 pusat kegiatan guru (PKG) di seluruh negara.

Perkhidmatan ini adalah bagi tempoh enam bulan sehingga 31 Disember 2019. KPM akan memilih penyedia perkhidmatan internet yang baharu bagi tempoh mulai 1 Januari 2020 selepas melakukan penilaian dan penambahbaikan yang diperlukan.

Sebahagian besar daripada 10,211 sekolah akan mula menerima perkhidmatan talian internet interim ini seawal 1 Julai 2019. Sebahagian kecil sekolah, terutama di kawasan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak, akan mengalami sedikit gangguan yang dijangka diselesaikan sebelum akhir Julai.

Dalam pada itu, susulan berakhirnya perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2, KPM memutuskan untuk mengguna pakai pelantar pembelajaran Google Classroom (GC) bagi menggantikan Frog VLE.

Bagi sebarang pertanyaan berkaitan, KPM telah mewujudkan talian khas bantuan atau Help Desk menerusi MyGCC 03-8000 8000 atau e-mel ihd@moe.gov.my atau interim@moe.gov.my bagi membantu semua pihak terlibat menikmati perkhidmatan terbaik dan tanpa gangguan sepanjang tempoh yang dimaksudkan.

Berdasarkan maklum balas yang KPM terima selama ini, usaha di atas dilakukan sebagai langkah prihatin ke atas guru dan anak-anak dan mahukan yang terbaik untuk warga sekolah.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

27 JUN 2019